



FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
كلية الدراسات الإسلامية
Faculty of Islamic Studies

جورنال التراث

AL-TURATH
Journal of al-Quran and al-Sunnah

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 8 ISSUE 1 2023

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/volume-8-no-1-2023/>


Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



MANHAJ KRITIK MATAN HADIS MULLA ‘ALI AL-QARI

The Methodology of Hadith Text Criticism by Mulla Ali al-Qari

Nur Muhammad Anas Mohd Razak* & Mohd Arif Nazri
Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. Malaysia.
*Corresponding author: ibnurazak10@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2023-0801-05>

Article history

Received: 18/01/2023	Revised: 14/03/2023	Accepted: 01/06/2023	Published: 30/06/2023
-------------------------	------------------------	-------------------------	--------------------------

Abstrak

Hadis sebagai sumber rujukan utama yang kedua selepas al-Quran. Ilmu Hadis telah berkembang dari suatu zaman ke zaman yang lain. Tokoh-tokoh hadis telah mengkaji serta menilai status hadis-hadis berdasarkan beberapa kaedah tertentu dari sudut sanad dan matan bagi memelihara kesuciannya sebagai sumber rujukan utama umat Islam. Sehubungan dengan itu, Mulla Ali al-Qari merupakan salah seorang tokoh hadis yang terbilang pada zamannya. Beliau mempunyai pendekatan yang tersendiri mengkritik dan menilai matan hadis. Justeru, artikel ini mengkaji manhaj kritik matan hadis Mulla Ali al-Qari yang tidak dikhususkan oleh beliau sendiri berdasarkan karya beliau yang berjudul al-Asrar al-Marfu'ah. Di samping itu, biografi ringkas Mulla Ali al-Qari turut dinyatakan. Metodologi kajian ialah analisis kandungan bagi menyelidik ketokohan beliau terhadap penilaian sesuatu hadis berdasarkan matan. Hasil kajian ini mendapati percanggahan sesuatu kandungan hadis dengan nas al-Quran dan riwayat al-Sunnah yang lebih sahih menjadi kriteria penting di sisi manhaj kritik matan hadis Mulla Ali al-Qari. Selain itu, kejelikan sesuatu lafaz dan makna kandungan hadis juga turut menjadi asas terpenting kritikan beliau. Kajian ini membawa implikasi positif dalam mendepani penyebaran hadis tanpa semakan statusnya pada masa kini dan akan datang terutamanya dalam konteks aplikasi memelihara kesucian hadis Nabi SAW. Matlamat daripada kajian ini dapat memudahkan dan membimbing umat Islam terutamanya para sarjana yang lain mengenalpasti hadis-hadis bermasalah dan palsu tanpa melalui kajian sanad secara terperinci.

Kata Kunci: Manhaj, Kritik, Matan, Hadis, Mulla ‘Ali al-Qari



Abstract

Hadith as the second main source of reference after the al-Quran. Hadith knowledge have developed from one age to another. Hadith scholars have studied and assessed the status of hadiths using certain methods based on *sanad* and *matan* in order to preserve its sacredness as one of the main reference sources for Muslims. In this regard, Mulla Ali al-Qari was one of the leading hadiths figures of his time. He has a unique approach to criticize and evaluate hadith's *matan*. Therefore, the purpose of this study is to examines the true method used by Mulla Ali al-Qari criticize the texts of hadith that did not specify himself based on his book entitled *al-Asrar al-Marfu'ah*. In addition, a brief biography of Mulla Ali al-Qari is also stated. This study methodology used content analysis method to assess his reputation on a particular hadith evaluation based on *matan*. The findings of this study showed that the hadith content contradiction with al-Quran and the more authentic narration of the al-Sunnah became an important criterion in Mulla Ali al-Qari's hadiths criticism method. In addition, the unpleasantness of the wording and meaning of the hadiths also became the critical basis of his criticism. This study will bring positive implications in dealing with the spread of unknown hadiths status in the present and the future, especially in the context of the application of preserving the sacredness of the hadith of the Prophet SAW. Hopefully, this study can facilitate and guide Muslims, especially other scholars in identifying problematic and fake hadiths without going through a detailed study of *sanad*.

Keywords: Method, Criticism, Matan, Hadiths, Mulla 'Ali al-Qari

PENGENALAN

Mulla Ali al-Qari adalah seorang sarjana Islam yang sangat terserlah dengan kegeniusan dan kewibawaannya dalam pelbagai cabang ilmu. Syarahan dan ringkasan beliau terhadap kitab-kitab *turath* dan muktabar yang terdahulu sudah cukup menjadikannya bukti penguasaan beliau di dalam dunia ilmu Islam. Kepakaran beliau ini telah menerima banyak pujian daripada ulama sepanjang zaman serta gelaran khas yang diberikan kepadanya seperti al-Qari, al-Muhaddis, al-Ushuli, al-Mufassir dan banyak lagi. Berkaitan ilmu hadis, beliau telah menghasilkan beberapa karya hasil pembaharuan dan pemikiran beliau sendiri. Artikel ini bertujuan untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai manhaj kritik matan hadis Mulla Ali al-Qari.

Secara umum, kajian berkaitan dengan kritik matan hadis sangat luas untuk diperbincangkan. Justeru, artikel ini mempunyai fokus dan skopnya untuk memudahkan pengkajian. Sehubungan dengan itu, kajian akan memfokuskan manhaj Mulla Ali al-Qari menerusi kitabnya yang berjudul *al-Asrar Al-Marfu'ah fi al-Akhhbar al-Maudu'ah*. Kajian ini bermula dengan pengumpulan data terhadap semua ulasan dan kritikan Mulla Ali al-Qari pada hadis-hadis yang dikumpul di dalam kitabnya sendiri sebagai sumber primer sebelum analisis dilakukan kepada data-data tersebut. Metode induktif iaitu membuat kesimpulan bersifat umum daripada data-data yang bersifat khusus akan digunakan untuk menganalisis semua data-data tersebut.

Nama sebenar beliau ialah Nur al-Din Abu al-Hassan Ali Bin Sultan Muhammad. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Mulla Ali al-Qari. Gelaran al-Qari tersebut disebabkan beliau adalah salah seorang daripada imam dan orang yang alim di dalam ilmu Qiraat (al-Qari, 1986). Beliau dilahirkan sekitar tahun 930 H di bandar Harah iaitu sebuah bandar besar yang berada di Khurasan. Sejarah membuktikan bandar Harah pada ketika itu adalah suatu tempat yang menjadi salah sebuah pusat peradaban Islam terkenal (Wahid, 2017). Kebanyakan ilmuwan yang menetap di bandar tersebut telah merangsang jiwa penduduknya cinta terhadap ilmu pengetahuan termasuk pada diri Mulla Ali al-Qari sendiri.

Kedudukan dan persekitaran Mulla Ali al-Qari yang dikelilingi dengan suasana ilmu secara tidak langsung membantu beliau bersemangat mempelajari pelbagai ilmu sejak dari kecil lagi.

Beliau memulakan pendidikan awal di bandar Harah. Beliau telah mempelajari ilmu al-Quran dan mendalami pelbagai asas ilmu dengan sebahagian guru di sana. Guru beliau yang paling terkenal dalam ilmu Qiraat ketika berada di bandar Harah adalah Muin al-Din al-Harawi. Setelah beberapa tahun menuntut ilmu di tanah air sendiri, beliau telah memulakan pengembaraan ilmu ke Mekah al-Mukarramah lalu terus menetap di sana sehingga digelar dengan panggilan al-Makki (al-Hirawi, 1994). Keistimewaan kota suci Mekah al-Mukarramah sebagai pusat utama ilmuwan Islam pada zaman tersebut telah dimanfaatkan sebaiknya oleh Mulla Ali al-Qari. Beliau mempelajari ilmu secara bersemuka dengan para cendekiawan dan ramai tokoh ulama baik daripada arab mahupun ajam.

Walaupun kesibukan beliau menuntut ilmu pengetahuan, beliau dikenali sebagai seorang yang sangat zuhud dan tidak suka meminta-minta. Beliau tidak menjadikan alasan kegigihannya menuntut ilmu bagi mengharapkan bantuan daripada sesiapa sahaja termasuk daripada pihak pemerintah pada ketika itu. Beliau berusaha menjana pendapatan melalui penulisan semula al-Quran dengan tulisan tangannya sendiri serta dilengkapi dengan catatan daripada ilmu qiraat dan tafsir sebelum menjualnya. Hasil daripada pekerjaan tersebut sudah cukup menampung perbelanjaan beliau selama setahun (al-Hirawi, 1994).

Kehidupan Mulla Ali al-Qari yang mewakafkan diri dalam dunia ilmu telah menyebabkan beliau banyak menghasilkan karya-karya ilmiah yang menjadi rujukan dan penting dalam pelbagai jenis bidang. Menurut Abdul Fattah Abu Ghudah, sebanyak 125 karya yang telah dihasilkan oleh Mulla Ali al-Qari (al-Qari, 1986) manakala al-Baghdadi menyatakan karya Mulla Ali al-Qari sebanyak 107 (Wahid, 2017). Hasil karya beliau banyak berkisar daripada syarahan dan ringkasan kitab-kitab *turath* yang terdahulu.

Karya penulisan beliau di dalam bidang al-Quran khususnya pada ilmu Tafsir dan Qiraat ialah *Anwar al-Quran wa Asrar al-Furqan fi al-Tafsir*, *al-Jamalin 'ala al-Jalalin*, *Tafsir al-Ayat al-Mutashabihat*, *Hashiah 'ala Tafsir al-Baidhawi*, *Syarh al-Syatibiyah*, *Bidayah al-Salik fi Nihayah al-Masalik fi Syarh al-Manasik*, *al-Hai'ah al-Sanniyyah al-'Aliyyah 'ala Abyat al-Syatibi* dan banyak lagi.

Di samping itu, karya beliau berkaitan ilmu Hadis ialah *al-Masnu' fi Ma'rifah al-Hadith al-Maudhu'*, *Syarh Syarh Nukhbah Al-Fiker fi Mustolahat Ahl al-Athar*, *Mirqat al-Mafatih Syarh Mishqab al-Masabih*, *Jam'u al-Wasail fi Syarh al-Syama'il*, *Syarh Sahib Muslim*, *Syarh Al-Muwatho' bi riwayat al-Imam Ahmad*, *Syarh Musnad Abi Hanifah*, *Syarh al-Jami' al-Soghbir*, *Syarh al-Syafa fi Huquq al-Musthafa*, *Sun'ah Allah fi Shighbah sibghah Allah*, *al-Mubin al-Mu'in li Fahm al-Arba'in*, *Arba'un Hadithan fi Fadhl al-Quran*, *al-Abadith al-Qudsiyah al-Arba'iniyah* dan lain-lain (al-Syima', 1993).

Salah satu dari sekian banyak karya Mulla Ali al-Qari ialah kitab hadisnya yang berjudul *al-Asrar al-Marfu'ah fi al-Akhhbar al-Maudu'ah*. Karya ini termasuk dalam kategori kitab hadis yang membahaskan kritik matan hadis khususnya. Ia dianggap sebagai kitab rujukan untuk mengetahui hadis-hadis bermasalah. Ia turut merangkumi ulasan dan kritikan Mulla Ali al-Qari di samping beberapa nukilan daripada penilaian para ahli hadis yang lain.

Kitab ini ditulis pada tahun-tahun terakhir sebelum Mulla Ali al-Qari wafat. Beliau telah mengisytarkan hal ini ketika mengulas beberapa hadis di dalam kitab ini (al-Qari, 1986). Tujuan Mulla Ali al-Qari mengarang kitab ini kerana ingin meringkaskan apa yang terkandung di dalam kitab-kitab yang telah mengumpulkan hadis-hadis nabi SAW. Beliau hanya menghimpun serta memasukkan hadis-hadis palsu sahaja yang bagi beliau sudah menjadi kebiasaan di dalam percakapan dan perbualan manusia lalu menyusunnya mengikut abjad huruf pada kitab ini (al-Qari, 1986).

SEJARAH PERKEMBANGAN KRITIK MATAN HADIS

Ilmu kritik matan hadis adalah sebuah metode penelitian yang dibentuk daripada beberapa kriteria menilai kesahihan sesuatu matan hadis. Menurut Abdul Aziz, terdapat lima fasa masa yang telah dibahagikan bermula dengan fasa permulaan iaitu ketika zaman Nabi S.A.W. masih hidup. Kedua, kritik matan hadis yang berlaku pada zaman para sahabat selepas kewafatan Nabi S.A.W. Ketiga, perkembangannya berlaku pada zaman para *tabi'in*. Keempat, fasa ini berlaku pada zaman *atba' al-Tabi'in*. Kelima, proses perkembangan ilmu ini terus berlangsung dan diaplikasi pada zaman pasca *atba' al-Tabi'in* sehingga abad yang ketujuh hijrah (Aziz, 2015).

Budaya kritik matan hadis telah mula berlaku ketika Nabi SAW masih hidup bersama dengan para sahabat. Sebahagian pengkaji berpendapat hal ini berlaku pada zaman tersebut disebabkan lebih cenderung kepada faktor pemastian, penjelasan bagi sesuatu perkara adakah bertepatan daripada Nabi SAW di samping membezakan yang benar dan salah bagi sesuatu ucapan Nabi SAW (Saputra, 2008).

Kritik matan hadis terus berkembang pada zaman para sahabat selepas kewafatan Nabi SAW disebabkan bermulanya pergeseran signifikan kritik kerana beberapa faktor dan di antaranya adalah hadis bukan lagi diriwayatkan dari sumber yang pertama malah daripada sumber kedua dan seterusnya lebih-lebih lagi kedudukan mereka ini jauh berbeza daripada sumber pertama iaitu Nabi SAW (Suryadinata).

Menurut Mustofa al-Siba'i, terdapat beberapa orang sahabat yang masyhur dan dikenali sebagai *al-Nuqod al-hadis* seperti Ibn Abbas RA, Ubadah Bin Shomit RA dan Anas Bin Malik RA (al-Siba'i, 2000). Di samping itu, terdapat juga pengkaji hadis yang berpandangan zaman para sahabat ini sudah mula wujud metode kritik matan hadis menurut sahabat-sahabat tertentu seperti Aisyah RA, Umar Bin al-Khattab RA, Ali Bin Abi Thalib RA, Abdullah Bin Mas'ud RA dan Abdullah Bin Abbas RA (Maswara, 2013).

Proses ini diteruskan oleh generasi *al-Tabi'in* yang muncul selepas era para sahabat. Pada zaman *al-Tabi'in* lebih memuncak perkembangan kritik matan hadis. Penerapan kaedah *mua'radab* iaitu penyesuaian konsep di dalam kritikan matan hadis dilakukan selain daripada menggunakan kaedah *muqarranah* atau perbandingan pada zaman *al-Tabi'in* ini. Sebahagian pengkaji berpendapat kaedah *mua'radab* ini lebih banyak diamalkan pada zaman ini walaupun sudah berlaku pada zaman sahabat. Kaedah *mu'aradab* ini adalah penyesuaian konsep pada setiap matan hadis agar tetap terpelihara bersesuaian dan selaras antara satu sama lain seperti sesuatu matan hadis itu tiada percanggahan yang jelas dengan dalil syariat yang lain (al-Munawar).

Seterusnya, pada zaman *atba' al-Tabi'in* pula berlakunya proses kodifikasi sesuatu hadis yang telah disusun dengan lebih teratur mengikut bab-bab tertentu. Pada zaman ini terbentuk beberapa ciri tertentu antaranya bermula pemilihan hadis-hadis yang telah dihimpun secara tidak teratur sebelum ini kepada penyusunan hadis-hadis berdasarkan bab-bab dan topik-topik yang lebih khusus dan bersistematik. Kedua, lahirnya metode ahli hadis menjelaskan tentang status setiap hadis daripada sudut kesahihannya. Ketiga, munculnya usaha membezakan hadis-hadis Nabi S.A.W. dengan pendapat-pendapat serta fatwa-fatwa para sahabat dan *tabi'in* (Aziz, 2015).

Proses ilmu ini terus berkembang serta diaplikasi pada zaman seterusnya iaitu pasca *atba' al-Tabi'in* sehingga abad yang ketujuh hijrah. Fasa ini dikenali sebagai fasa *mutaakhirin*. Kritik matan hadis ini dimulakan kajian secara serius pada abad keenam apabila munculnya karya yang dikarang oleh Ibn al-Jauzi iaitu kitab yang berjudul *al-Maudu'at*. Kemudian, usaha Ibn al-Jauzi ini telah disambung oleh Ibn al-Qayyim seorang tokoh hadis yang berada pada abad ketujuh hijrah. Beliau telah mengarang kitab yang berjudul *al-Manar al-Munif fi al-Sobih wa al-Daif*. Ibn al-Qayyim

telah meneruskan usaha Ibn al-Jauzi dengan menetapkan beberapa ciri khusus bagi mengkategorikan setiap hadis palsu yang dikumpulkannya (al-Dumaini, 1984).

MANHAJ KRITIK MATAN HADIS MULLA 'ALI AL-QARI

Mulla Ali al-Qari tidak menggariskan kriteria khusus bagi mengenal pasti kepalsuan sesuatu hadis berdasarkan matannya. Secara umumnya, beliau hanya mengkritik dan melakukan penilaian terhadap himpunan hadis yang bermasalah di dalam karyanya sendiri sepertimana kebanyakan ahli-ahli hadis yang lain. Walaupun demikian, beberapa elemen yang sering beliau tekankan dalam kritikan terhadap matan menjadi dasar terhadap manhajnya sendiri. Berdasarkan pengamatan penulis, terdapat tiga unsur penting yang selalu dipraktikkan dalam penilaian Mulla Ali al-Qari terhadap kandungan hadis-hadis bermasalah dalam karya penulisannya.

1. Percanggahan kandungan hadis dengan nas-nas al-Quran

Al-Quran adalah *kalamullah* yang disampaikan kepada Nabi SAW secara mutawatir dan setiap perkara yang nyata bertentangan dengannya tidak diterima malah dihukum tidak sah. Dalam hal ini, semua ulama telah bersepakat mengenai kedudukan al-Quran dan hadis Nabi SAW tidak boleh bertentangan daripada sudut mesejnya bahkan perlu seiring dengan kehendak syarak. Sepertimana yang diketahui hadis yang sah perlu selari dengan nas al-Quran namun sekiranya berlaku kontradiksi antara keduanya boleh menyebabkan hadis yang didakwa itu bermasalah (Al-Syafie, 1940). Al-Quran tidak sesekali akan dihukum dan dikritik kesahihannya kerana mendapat jaminan daripada Allah SWT akan terus dipelihara sebagaimana firmanNya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

Maksudnya:

Sesungguhnya kamilah yang menurunkan al-Quran dan kamilah yang memelihara dan menjaganya
(al-Hijr, 14: 9)

Kaedah ini juga turut banyak digunakan oleh Mulla Ali al-Qari apabila beliau mengkritik hadis-hadis bermasalah yang telah dihimpunnya.

a. Hadis orang-orang yang asing sebagai pewaris para nabi

الْعُرَبَاءُ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ وَمَنْ يَبْعَثِ اللَّهُ نَبِيًّا إِلَّا وَهُوَ غَرِيبٌ فِي قَوْمِهِ

Maksudnya:

Orang yang asing adalah pewaris para nabi, Allah tidak akan membangkitkan seorang nabi melainkan dia adalah seorang yang asing bagi kaumnya.

Mulla Ali al-Qari menilai hadis ini batil dan mengkritiknya kerana terdapat pertentangan jelas antara kandungan hadis dengan nas al-Quran (al-Qari, 1986). Beliau berpendapat kandungan hadis ini bercanggah dengan beberapa dalil daripada al-Quran. Firman Allah SWT:

إِنَّا أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ

Maksudnya:

Sesungguhnya kami telah mengutus Nabi Nuh kepada kaumnya,
(Nuh, 29: 1)

وَالِىٰ عَادٍ أَخَاهُمْ هُودًا

Maksudnya:

Dan kepada kaum Aad, (Kami utuskan) saudara mereka: Nabi Hud.
(al-A'raf, 8: 65)

وَالِىٰ ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا

Maksudnya:

Dan kepada kaum Thamud (kami utuskan) saudara mereka: Nabi Soleh.
(al-A'raf, 8: 73)

وَلَوْلَا رَهْطُكَ لَرَجَمْنَاكَ

Maksudnya:

Dan kalau tidaklah kerana kaum keluargamu, tentulah kami telah melemparmu (dengan batu hingga mati).
(Hud, 12: 91)

Kesemua nas al-Quran yang dikemukakan oleh Mulla Ali al-Qari membuktikan mesej dan makna daripada hadis tersebut jelas bertentangan dengan realiti yang berlaku sepertimana dinyatakan dalam al-Quran. Setiap nabi yang dilantik telah diutuskan dalam kalangan kaumnya sendiri. Sehubungan dengan itu, Mulla Ali al-Qari menolak dakwaan hadis tersebut yang mengatakan para nabi dilantik adalah *al-ghuraba'* (orang asing) pada kaum mereka. Beliau turut membawa hujah secara umum mengenai dakwah nabi Musa dan nabi Isa yang disampaikan pada kaum mereka sendiri iaitu bani Israel.

b. Hadis dosa mencela para sahabat

سَبُّ أَصْحَابِي ذَنْبٌ لَا يُعْفَرُ

Maksudnya:

Mencela sahabatku adalah dosa yang tidak akan diampunkan.

Berdasarkan hadis ini, Mulla Ali al-Qari menukilkan pandangan Ibn Taimiyah yang mengatakan suatu pembohongan ke atas Nabi SAW (Sultan, 2018). Menurut beliau lagi, mesej yang terkandung daripada hadis ini jelas terdapat pertentangan yang nyata dengan nas al-Quran. Sebagaimana Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakinya.
(an-Nisa', 5: 48)

Di samping itu, Mulla Ali al-Qari juga tidak menolak kebenaran terhadap makna umum daripada hadis tersebut mengenai dosa besar apabila mencela para sahabat Nabi SAW. Walaupun demikian, beliau tetap konsisten menilai hadis ini tidak sahih walaupun maknanya benar kerana percanggahannya dengan nas al-Quran yang lebih jelas.

c. Hadis para nabi dilantik selepas berumur 40 tahun

مَا مِنْ نَبِيٍّ نَبِيٍّ إِلَّا بَعْدَ الْأَرْبَعِينَ

Maksudnya:

Tiada nabi yang dilantik kecuali selepas berumur empat puluh tahun.

Mulla Ali al-Qari menukikan penilaian Ibn al-Jauzi terhadap hadis ini sebagai palsu. Beliau turut mengkritik apa yang didakwa dalam kandungan hadis ini adalah sesuatu yang bercanggah dengan nas al-Quran lalu mengemukakan dua ayat daripadanya. Allah SWT berfirman:

وَأَتَيْنَاهُ الْحُكْمَ صَبِيًّا

Maksudnya:

Dan kami berikan kepadanya Hikmat kebijaksanaan semasa ia masih kanak-kanak.

(Maryam, 16: 12)

وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِ لَتُنَبِّئَنَّهُمْ بِأَمْرِهِمْ هَذَا

Maksudnya:

Dan kami pula ilhamkan kepadanya. “Sesungguhnya engkau (wahai Yusuf, akan terselamat, dan) akan memberi tahu mereka tentang hal perbuatan mereka ini

(Yusuf, 12: 15)

Berdasarkan dua ayat al-Quran yang menceritakan tentang keadaan nabi Yahya dan nabi Yusuf nyata berbeza dengan dakwaan hadis ini yang menyatakan secara khusus semua nabi dilantik hanya setelah mencecah umur 40 tahun. Mengenai ayat 12 daripada surah Maryam, Mulla Ali al-Qari mentafsirkan perkataan *al-hukma* yang diberikan kepada nabi Yahya AS bermaksud kenabian (al-Harawi, 2013). Demikian juga tafsiran para ulama tafsir seumpama Ibn Kathir pada ayat 15 daripada surah Yusuf yang menjelaskan nabi Yusuf AS pada ketika itu sudah menerima wahyu daripada Allah SWT (Kathir, 1999).

d. Hadis yang memuji orang fasik

الْكَرِيمُ حَبِيبُ اللَّهِ وَلَوْ كَانَ فَاسِقًا وَالْبَخِيلُ عَدُوُّ اللَّهِ وَلَوْ كَانَ رَاهِبًا

Maksudnya:

Orang yang pemurah itu adalah kekasih Allah walaupun dia seorang yang fasik, manakala orang yang bakhil itu adalah musuh Allah walaupun dia seorang rahib.

Menurut al-Sakhawi, hadis ini tiada asal baginya (al-Sakhawi, 1985) manakala Najm al-Din al-Ghazzi pula mengkritik hadis ini batil dari setiap aspek lafaz dan makna (al-Ghazzi, 1995). Mulla Ali al-Qari menilai hadis ini *la asla labu* malah turut mengkritik pernyataan awal daripada kandungan hadis ini jelas bertentangan dengan nas al-Quran. Beliau mengemukakan 2 firman Allah SWT mengenainya:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat

(al-Baqarah, 2: 222)

Maksudnya:

Allah tidak suka kepada orang-orang yang zalim.

(Ali 'Imran, 3: 57)

Mulla Ali al-Qari mentafsirkan ayat 222 daripada surah al-Baqarah di dalam tafsirnya dengan tafsiran bertaubat daripada segala jenis kejahatan. Beliau turut menjelaskan tafsiran bagi perkataan *al-Zholimin* dengan 3 makna iaitu orang-orang kafir, orang-orang munafik dan orang-orang yang menderhaka. Sehubungan dengan itu, pertentangan jelas telah berlaku antara makna yang ingin disampaikan daripada hadis dengan nas al-Quran kerana maksud orang yang fasik berdasarkan hadis merujuk kepada sebahagian daripada orang-orang yang zalim menurut Mulla Ali al-Qari. Beliau berkata: “Dan orang fasik itu sama ada daripada *al-Zholimin* atau *al-Kafirin*”.

Oleh itu, dakwaan yang menyatakan orang fasik dicintai malah menjadi kekasih Allah adalah suatu penyelewengan makna bahkan bertentangan dengan nas al-Quran. Hal ini kerana orang fasik walaupun seorang yang pemurah termasuk sebahagian daripada orang yang zalim malah tidak disukai Allah SWT.

2. Percanggahan kandungan hadis dengan al-Sunnah yang lebih sahih

Selain daripada pertentangan sesuatu matan hadis dengan nas al-Quran, para ahli hadis juga mempunyai kaedah lain bagi menetapkan kriteria hadis yang bermasalah iaitu matan hadis bercanggah dengan sunnah yang lebih jelas lagi *thabit* di sisi mereka (al-Dumaini, 1984). Mulla Ali al-Qari juga dilihat cenderung menggunakan kaedah ini bagi menilai serta mengkritik sesuatu matan hadis. Menurut beliau, antara tanda sesuatu hadis yang bermasalah itu apabila saling bercanggah dengan hadis lain yang *mutawatir* bahkan lebih sahih daripadanya. Beliau menjelaskan: “Dan daripada tanda-tanda hadis palsu itu ialah kandungannya bercanggah dengan al-Quran seperti *tajsim*, sunnah yang *mutawatir* dengan khilaf yang masyhur dan selainnya juga daripada hadis *al-abad*” (al-Hirawi, 1994). Dalam hal ini, penulis mendapati beberapa hadis yang dikritik beliau berdasarkan kriteria ini.

a. Hadis penciptaan akal

أَوَّلُ مَا خَلَقَ اللَّهُ الْعَقْلُ

Maksudnya:

Perkara pertama yang diciptakan Allah ialah akal.

Ibn 'Adi merekodkan hadis ini dalam kitabnya, *al-Kamil* ('Adi, 1984). Pada sanad perawinya terdapat al-Fadl Bin Isa al-Riqashi dan Hafs Bin 'Amr. Menurut al-Dzahabi, al-Fadl adalah perawi yang lemah (al-Dzahabi., 1963). Demikian juga Hafs Bin Amr yang dihukum lemah oleh Abu Hatim. Beliau juga turut dinilai *munkar hadis* oleh Abu Zur'ah manakala menurut Ibn Hibban, Hafs Bin 'Amr telah meriwayatkan daripada *al-thiqat* hadis-hadis *maudhu'* malah tidak halal berhujah dengannya (al-Dzahabi., 1963). Selain itu, lafaz hadis ini juga turut direkod oleh Ibn al-Jauzi di dalam kitabnya, *al-Maudhu'at* daripada Abu Hurairah dan Abi Umamah. Beliau berpandangan hadis ini berdasarkan kedua-dua sanad tersebut tidak sahih daripada Rasulullah SAW (al-Jauzi, 1966). Ibn Taimiyah turut mengkritik hadis ini sebagai suatu pembohongan dan palsu serta tidak wujud di dalam kitab-kitab Islam yang diiktiraf (Taimiyyah, 2004).

Menurut Mulla Ali al-Qari, hadis ini jelas bertentangan dengan sunnah yang lebih sahih. Beliau turut menukilkan kritikan Ibn Hajar al-Asqalani yang menyatakan perkara pertama yang diciptakan Allah adalah pena berdasarkan hadis yang paling kuat dalam hal ini (al-Qari, 1986).

Penilaian Mulla Ali al-Qari terhadap hadis ini jelas selari dengan kritikan Ibn Hajar al-Asqalani tentang perkara pertama yang diciptakan Allah adalah pena dan bukannya akal sepertimana yang telah dinyatakan.

b. Hadis bahasa Parsi

لِسَانُ أَهْلِ الْجَنَّةِ الْعَرَبِيَّةُ وَالْفَارِسِيَّةُ الدَّرِّيَّةُ

Maksudnya:

Bahasa penghuni syurga adalah bahasa arab dan bahasa parsi.

Berdasarkan kandungan hadis ini, Mulla Ali al-Qari telah menghukum hadis ini palsu dan mengkritiknya kerana terdapat percanggahan dengan sunnah yang lebih sabit (al-Qari, 1986). Di samping itu, hadis ini dilihat seolah-olah bertujuan ingin mengangkat martabat bahasa Parsi. Kemudian beliau mengemukakan hadis lain bagi menyangkal dakwaan tersebut:

أَحِبُّوا الْعَرَبَ لِثَلَاثٍ فَإِنِّي عَرَبِيٌّ وَكَلَامُ اللَّهِ عَرَبِيٌّ وَلِسَانُ أَهْلِ الْجَنَّةِ عَرَبِيٌّ

Maksudnya:

Aku mencintai arab disebabkan tiga perkara: Kerana aku adalah orang Arab, al-Quran di dalam bahasa Arab dan ucapan penghuni Syurga adalah bahasa Arab.

Hadis ini diriwayatkan oleh al-Thobrani di dalam *al-Mu'jam al-Awsath* daripada jalur Abu Hurairah RA (al-Thobrani, 1995). Terdapat juga riwayat yang lain berkenaan hadis ini di dalam kitab yang sama daripada jalur Ibn Abbas RA. Melalui semakan penulis, hadis yang dikemukakan oleh Mulla Ali al-Qari ini juga turut dikritik bermasalah oleh kebanyakan ahli hadis. Al-Uqailiy menilai riwayat Ibn Abbas sebagai *munkar* dan tiada asal baginya (al-Uqailiy, 1984) manakala Ibn al-Jauzi menilai hadis ini sebagai palsu di dalam kitabnya *al-Maudhu'at* (al-Jauzi, 1966). Al-Sakhawi menghukum hadis ini sebagai daif dan berpendapat riwayat Abu Hurairah RA ini lebih kuat berbanding riwayat Ibn Abbas RA (al-Sakhawi, 1985).

Mulla Ali al-Qari ingin menjelaskan dakwaan hadis tersebut yang menyatakan bahawa bahasa Parsi adalah bahasa penghuni syurga adalah tidak benar sama sekali bahkan menyeleweng terhadap hadis Nabi SAW yang lebih sabit tentang bahasa yang ditutur oleh penghuni syurga. Meskipun hujah tersebut turut dinilai lemah, ia tidak membawa sebarang justifikasi membenarkan kandungan hadis yang menyatakan kelebihan bahasa Parsi itu sah. Kesimpulannya, bahasa yang akan digunakan oleh penghuni syurga tidak diketahui kerana tidak ada dalil yang sah dan jelas dalam hal ini (Ayub, 2019).

Justeru, Mulla Ali al-Qari tetap konsisten terhadap metode ini bagi mengkritik kandungan-kandungan hadis lain yang bermasalah. Menurut beliau kandungan sesuatu hadis tidak boleh berlawanan dengan hadis yang lebih sah dan sabit.

3. Kejelikan pada lafaz hadis serta maknanya

Kejelikan pada lafaz hadis serta maknanya adalah salah satu kriteria juga yang digunakan oleh sebahagian ahli hadis bagi menilai kepalsuan sesuatu hadis. Kaedah ini mula diaplikasikan oleh mereka pada abad ke 6 H (Vengara, 2018). Ibn al-Solah di antara tokoh yang menggunakan kaedah ini. Beliau pernah berkata: “Hadis-hadis palsu yang panjang juga boleh dilihat kepalsuannya berdasarkan kejelikan pada lafaz dan maknanya” (al-Solah, 1986). Kejelikan pada lafaz sesuatu hadis serta makna yang menyeleweng juga menandakan secara jelas matan hadis itu bukan ucapan yang diungkapkan oleh Nabi SAW bahkan turut membuktikan kandungan tersebut telah direka-reka. Ibn al-Qayyim juga menerangkan di antara tanda lain bagi hadis palsu adalah

lafaz serta maknanya yang buruk bagi sesiapa yang mendengarnya (al-Qayyim, 1983). Menurut Ibn Hajar, kejelikan pada lafaz semata-mata tidak mencukupi bahkan makna sesuatu kandungan hadis itu mesti juga jauh terpesong daripada syariat. Beliau berpendapat kejelikan yang berlaku pada lafaz semata-mata tidak mengisyaratkan kepalsuan kerana terdapat kemungkinan seseorang perawi itu meriwayatkan sesuatu hadis hanya dengan makna. Oleh itu, perawi itu boleh tertukar lafaznya menjadi *bighair fasih* (tidak fasih). Kemudian sekiranya dia menerangkan dengan jelas bahawa lafaz tersebut adalah daripada Nabi SAW maka dia adalah seorang pembohong (al-Suyuti, 1995).

KESIMPULAN

Sebahagian besar ahli hadis tidak hanya cukup dengan menilai dan menghukum hadis melalui sanad semata-mata malah turut mengutamakan juga penilaian daripada sudut matan hadis. Mulla Ali al-Qari telah menghasilkan karya al-Asrar al-Marfu'ah sebagai perbincangan dengan lebih terperinci mengenai kritik matan hadis. Kemampuan beliau menilai hadis-hadis Nabi SAW berdasarkan kandungan sahaja adalah disebabkan penguasaan ilmu dan kemampuan akal yang dikurniakan oleh Allah SWT.

Kritikan Mulla Ali al-Qari terhadap matan sesuatu hadis ini tidak lari dengan metode yang diaplikasikan oleh ahli-ahli hadis yang lain. Keselarian ini menambahkan lagi kekuatan metode kritik matan hadis yang ditinggalkan oleh sebahagian besar ahli hadis bagi menilai dan mengkritik matan hadis. Metode kritik matan hadis beliau seperti percanggahan kandungan hadis dengan nas-nas al-Quran, pertentangan kandungan hadis dengan al-Sunnah yang lebih sahih dan kejelikan pada lafaz hadis serta maknanya telah dibuktikan dengan analisis secara terperinci terhadap contoh-contoh matan hadis yang dikumpul dan dihurainya.

Berdasarkan manhaj Mulla Ali al-Qari yang dinyatakan secara ringkas ini jelas membuktikan bahawa beliau juga sebahagian daripada para sarjana hadis yang begitu komited memelihara sunnah Nabi SAW daripada setiap aspek. Walaupun beliau tidak meletakkan secara khusus kriteria tertentu bagi menilai sesuatu hadis pada sudut matan namun semua kritikan beliau terhadap hadis-hadis yang bermasalah menjadi panduan kepada penulis mengklasifikasikan manhaj beliau. Kaedah-kaedah seumpama ini sangat signifikan kerana dapat menjadi rujukan bagi menilai hadis-hadis yang meragukan dan secara tidak langsung dapat juga mengesan hadis-hadis yang bertaraf palsu.

Seterusnya, penulis ingin mencadangkan supaya setiap bab dapat dikaji dengan lebih mendalam kerana dengan cara tersebut dapat menatijahkan dapatan ilmiah yang lebih menyeluruh dan terperinci. Selain itu, manhaj tokoh seperti Mulla Ali al-Qari ini perlu dikembangkan melalui penyelidikan yang bersifat ilmiah agar dapat memberi impak yang berguna kepada umat Islam umumnya.

Sunnah Nabi SAW menjadi sumber hukum yang kedua selepas al-Quran sangat perlu dipelihara kesuciannya daripada dicemari usaha-usaha jahat yang bertujuan menyelewengkannya. Sebarang langkah untuk melakukan pemalsuan menggunakan nama Nabi SAW harus dicegah sebaiknya. Di samping itu, penulis juga berharap agar kajian ini dapat memudahkan para pengkaji lain dan pembaca mengetahui di samping memanfaatkan kaedah-kaedah yang dikemukakan ini berdasarkan manhaj Mulla Ali al-Qari mengkritik kandungan hadis.

Rujukan

- 'Adi, I. 1984. *Al-Kamil fi Dhu'afa' al-Rijal*. Beirut: Dar al-Fikr.
al-Dumaini, M. I. 1984. *Maqayiss Naqd Mutun al-Sunnah*. Riyadh.
al-Dzahabi, A. A. 1963. *Mizan al-'Itidal fi naqd al-Rijal*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

- al-Ghazzi, N. A.-D. 1995. *Itqan ma yabsun min al-Akhhbar al-Dairab 'ala al-Asun*. Kaherah: Al-Faruq al-Hadithah litiba'ah wa al-Nashr.
- al-Harawi, M. A.-Q. 2013. *Anwar al-Quran Asrar al-Furqan*. Beirut: Dar al-Kutb al-Ilmiah.
- al-Hirawi, M. A. 1994. *Syarb Syarb Nukhbah al-Fikr fi Mustholabat abl al-Athar*. Beirut: Dar al-Qolam.
- al-Jauzi, I. 1966. *Al-Maudhu'at*. Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah.
- al-Munawar, S. A. n.d. Metode Kritik Matan Hadis Menurut Pandangan Mhadditsin Mutaqaddimin. *Journal Ujniket*, 153.
- al-Qari, M. A. 1986. *Al-Asrar al-Marfu'ah fi al-Akhhbar al-Maudu'ah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Sakhawi, S. A.-D.-R. 1985. *Maqasid al-Hasanah fi bayan katbir min al-Abadis Musytahirab 'ala al-Aksinab*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- al-Siba'i, M. 2000. *Al-Sunnah wa Makanatuba fi al-Tashri'*. Dar al-Warq.
- al-Suyuti, J. a.-D. 1995. *Tadrib Al-Rawi fi Syarb Taqrib Al-Navawi*. Beirut: Maktabah al-Kauthar.
- Al-Syafie, M. B. 1940. *Al-Risalah*. Mesir: Matba'ah Musthofa al-Babi al-Halbi.
- al-Syima', M. A. 1993. *Mulla Ali al-Qari: Fibris Muallafatibi wa Ma Kataba Anhu*. Dubai: Tsaqafah wa Turath.
- al-Thobrani, A. a.-Q. 1995. *al-Mu'jam al-Ansath*. Mesir: Dar al-Haramain.
- al-Uqailiy, M. B. 1984. *Al-Dhu'afa' al-Kabir*. Beirut: Dar al-Maktabah al-Ilmiah.
- Ayub, M. M. 2019, Februari 15. *IRSYAD AL-HADITH SIRI KE-343: BAHASA ARAB BAHASA SYURGA*. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/>: <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/3121-irsyad-al-hadith-siri-ke-343-bahasa-arab-bahasa-syurga>
- Aziz, A. 2015. *Periodisasi Kritik Matan Hadis (Analisis Perkembangan Metodologi Kritik Matan Hadis sejak Periode Permulaan sampai Periode Pasca Atba al-Tabi'in)*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Ibn Kathir. 1999. *Tafsir al-Quran al-'Adzim*. Dar Toibah.
- Ibn al-Qayyim. 1983. *al-Manar al-Munif fi Sobih wa Daif*. Halab: Jam'iyah al-Ta'lim al-Syar'i.
- Ibn al-Solah. 1986. *'Ulum Al-Hadis li Ibn Al-Solah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ibn Taimiyyah. 2004. *Majmu' Fatawa*. Madinah al-Munawwarah: Majma' al-Malik Fahd litiba'ah al-Mushaf al-Syarif.
- Maswara, H. 2013. Kritik Matan Hadis Di Kalangan Sahabat. *TAHKIM: JURNAL HUKUM DAN SYARLAH*, 9(2), 147-172.
- Saputra, T. 2008. *Kritik Matan Hadis: Studi Komparatif Pemikiran Ibn Qayyim al-Jauziyyah dan Muhammad al-Ghazali*. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Sultan, A. B. 2018. *Al-Masnu' fi Ma'rifa al-Hadis al-Maudhu'*. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiah.
- Suryadinata, M. n.d. *Kritik Matan Hadis: Klasik hingga Kontemporer*.
- Vengara, S. 2018. *Naqd Matn al-Hadis: Tarikhbu wa Maqayisuhu wa manahij al-Ulama' Fibi*. Kerala, India: Darul Huda Islamic University.
- Wahid, H. A. 2017. Membaca pemikiran hadis Mulla Ali al-Qari al-Hirawi. *Jurnal Aqidah*, 3(2), 168.